GAN KIM SEANG

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 44-7-2007]
12 DISEMBER 2007

PROSEDUR JENAYAH: *Sabitan - Kesahan sabitan - Tuduhan rogol/inses - Kejadian inses berlaku secara berulang - Persoalan mengenai masa kejadian rogol/inses yang membawa kepada sabitan terhadap OKT tidak dijelaskan oleh hakim - Hakim gagal memberikan pendapatnya berkenaan kesan kelewatan dan kebolehterimaan laporan polis yang dibuat oleh mangsa - Perkataan rogol atau inses tidak ada dinyatakan sama sekali di dalam laporan mangsa - Sama ada kesalahan yang diadukan dan pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT tidak selaras dengan pertuduhan yang dikenakan terhadapnya - Hakim gagal membuat dapatannya atas beberapa isu yang dibangkitkan walaupun keterangan yang ada berkecenderungan menunjukkan OKT telah melakukan kesalahan - Sama ada sabitan sah - Sama ada perbicaraan semula perlu diadakan*

PROSEDUR JENAYAH: *Siasatan polis - Laporan maklumat pertama - Sama ada ketinggalan dalam laporan maklumat pertama boleh menyebabkan sesuatu kes dibuang - Sama ada maklumat dalam laporan maklumat pertama adalah 'substantive evidence of its contents' atau hanya keterangan yang bernilai untuk menentang atau menyokong testimoni saksi - Tuduhan rogol/inses - Laporan maklumat pertama tidak menyatakan bahawa mangsa telah dirogol oleh OKT - Sama ada ini akan menjejaskan kes pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Repot atau sijil - Repot perubatan - Tuduhan rogol/inses - Keterangan pegawai perubatan menyatakan bahawa terdapat koyakan kepada selaput dara OKT tetapi usia koyakan tidak dipastikan - Sama ada menunjukkan bahawa ada kemungkinan pengaduan pengadu adalah benar - Sama ada hakim perlu membuat analisa lanjut*

Perayu (OKT) telah menghadapi dua tuduhan merogol anak saudaranya yang berumur 14 tahun di bawah s. 376B Kanun Keseksaan. Tuduhan pertama mengatakan bahawa OKT, pada tarikh antara tahun 1998 hingga 2002, masa tengah malam telah

merogol mangsa tersebut. Tuduhan kedua pula mengatakan yang OKT, pada tarikh antara tahun 2002 hingga Januari 2003 telah merogol mangsa tersebut. Pada akhir perbicaraan, di hadapan Hakim Seksyen, OKT telah disabitkan dengan pertuduhan 1 dan 2, dan dikenakan hukuman penjara selama 18 tahun dan 10 sebatan bagi setiap kesalahan dan hukuman tersebut hendaklah dijalankan secara berturutan. OKT telah tidak berpuashati dengan sabitan dan hukuman yang dikenakan dan telah merayu. Rayuan OKT terhadap pertuduhan pertama telah dibenarkan dan pertuduhan kedua telah diarahkan supaya dibicarakan semula di hadapan Hakim Seksyen yang lain. OKT telah tidak berpuashati dengan perintah untuk perbicaraan semula dan telah memfailkan rayuannya terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan (supaya kes dibicarakan semula di hadapan Hakim Seksyen yang lain):

(1) Persoalan mengenai masa kejadian rogol/inses yang membawa kepada sabitan terhadap OKT telah tidak dijelaskan oleh hakim yang mengendalikan perbicaraan. Kejadian inses itu telah berlaku secara berulang, dan sepatutnya hakim berkenaan hendaklah menentukan secara spesifik kejadian yang manakah yang membawanya kepada kesimpulan bahawa OKT telah melakukan kesalahan inses pada satu malam di antara tahun 2002 hingga Januari 2003, dan boleh disabitkan dengan kesalahan sebagaimana dalam pertuduhan. (perenggan 6 & 7)

(2) Hakim Seksyen juga telah gagal memberikan pendapatnya berkenaan dengan kenyataan di dalam laporan polis yang dibuat oleh mangsa pada tahun 2003 yang menyatakan bahawa beliau telah diraba, serta mengenai isu kelewatan laporan tersebut dibuat oleh mangsa. Kesan kelewatan dan kebolehterimaan laporan sedemikian perlu diperjelaskan oleh beliau. Di dalam laporan mangsa, perkataan rogol atau pun inses tidak ada dinyatakan sama sekali. Oleh itu apabila OKT dituduh dengan pertuduhan di bawah s. 376B Kanun Keseksaan, ianya membawa gambaran bahawa kesalahan yang diadukan dan pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT adalah tidak selaras dengan pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, dan isu ini patut diterangkan oleh Hakim Seksyen di dalam penghakimannya. (perenggan 8)

(3) Ketinggalan yang terdapat di dalam laporan polis yang merupakan laporan maklumat pertama bagi membolehkan pihak polis untuk memulakan sesuatu siasatan bukanlah merupakan faktor yang akan menyebabkan sesuatu kes itu dibuang, kerana ianya bukanlah 'substantive evidence of its contents'. Sebaliknya ianya adalah merupakan keterangan yang bernilai untuk menentang atau menyokong sesuatu testimoni yang diberikan oleh saksi. Walaupun laporan polis itu tidak menyatakan bahawa SP2 telah dirogol oleh OKT, ianya tidak akan menjejaskan kes pendakwaan kerana ianya hanyalah permulaan bagi siasatan yang dilakukan oleh pihak polis sehingga membawa kepada pertuduhan ke atas OKT. (perenggan 9 & 10)

(4) Keterangan dari pegawai perubatan yang memeriksa mangsa dengan jelasnya menyatakan bahawa terdapat koyakan kepada selaput dara OKT, tetapi usia koyakan itu tidak dipastikan oleh doktor yang memeriksa. Koyakan yang lama, atau pun selaput dara yang tidak intact menunjukkan bahawa ada kemungkinan pengaduan yang dibuat oleh pengadu adalah benar, dan memerlukan analisa lanjut oleh Hakim Seksyen yang mendengar kes tersebut. (perenggan 14 & 15)

(5) Hakim Seksyen telah gagal membuat dapatannya atas beberapa isu yang dibangkitkan, walaupun keterangan yang ada berkecenderungan menunjukkan OKT telah melakukan kesalahan tersebut. Oleh yang demikian, menurut s. 316 Criminal Procedure Code, semasa mendengar sesuatu kes yang dirayu di hadapannya, mahkamah mempunyai kuasa budibicara untuk mengeluarkan apa-apa perintah termasuklah perintah untuk mengadakan perbicaraan semula, jika ianya adalah bersesuaian untuk dilakukan. (perenggan 25)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Ibrahim v. PP [2002] 1 LNS 73 HC ***(dirujuk)***
Ah Mee v. PP [1967] 1 LNS 3 FC ***(dirujuk)***
Aziz Muhamad Din v. PP [1997] 1 CLJ Supp 523 HC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Balasingham v. PP [1959] 1 LNS 8 HC ***(dirujuk)***
Balwant Singh v. PP [1960] 1 LNS 10 HC ***(dirujuk)***
Chua Beow Huat v. PP [1968] 1 LNS 24 HC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Hairani Sulong v. PP [1993] 2 CLJ 79 HC ***(dirujuk)***

A *Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC* ***(dirujuk)***
Ho Ming Siang v. PP [1966] 1 LNS 68 FC ***(dirujuk)***
Khwaja Nazir Ahmad Emperor v. AIR [1945] PC 18 ***(dirujuk)***
Khoo Hi Chiang v. PP And Another Case [1994] 2 CLJ 151 SC ***(dirujuk)***
Law Kiat Lang v. PP [1965] 1 LNS 81 FC ***(dirujuk)***
B *Mahendran Manikam v. PP [1997] 1 CLJ Supp 473 HC* ***(dirujuk)***
Mohamad Terang Amit v. PP [1999] 1 LNS 19 HC ***(dirujuk)***
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***
Murugiah v. PP [1940] 1 LNS 59 HC ***(dirujuk)***
Nasrul Annuar Abd Samad v. PP [2005] 1 CLJ 193 HC ***(dirujuk)***
Ooi Lean Chai v. PP [1991] 2 CLJ 1304; [1991] 1 CLJ (Rep) 337 SC
C ***(dirujuk)***
PP v. Mardai [1949] 1 LNS 65 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teo Eng Chan & Ors [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 HC ***(dirujuk)***
R v. Baskerville [1916] 2 KB 658 ***(dirujuk)***
D *Roshaizad Wan Long v. PP [2001] 1 LNS 105 HC* ***(dirujuk)***
Shawal Hj Mohd Yassin v. PP [2006] 6 CLJ 392 HC ***(dirujuk)***
Tan Boon Hock v. PP [1978] 1 LNS 194 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 307, 316
E Penal Code, s. 376B

Bagi pihak perayu - KP Low & Co
Bagi pihak responden - Haslinda Abu Bakar, TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

F

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi PK:

G

[1] Di dalam kes ini terdapat empat pertuduhan yang dikenakan terhadap orang kena tuduh di Mahkamah Seksyen Muar, yang terdiri dari dua pertuduhan utama dan dua pertuduhan alternatif, iaitu:

H

Pertuduhan 1

Bahawa kamu pada tarikh antara tahun 1998 hingga 2002, masa tengah malam, bertempat di rumah tidak bernombor, Jalan Sakeh, di Daerah Muar, Negeri Johor, telah merogol Low Siew Choong (umur 14 tahun) KPT: 880121-23-5016, dengan itu telah
I melakukan kesalahan dibawah seksyen 376B Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pertuduhan alternatif

Bahawa kamu pada tarikh antara tahun 1998 hingga 2002, masa tengah malam, bertempat di rumah tidak bernombor, Jalan Sakeh, di Daerah Muar, Negeri Johor, dengan niat untuk mencabul kehormatan iaitu meraba kemaluan Low Siew Choong (umur 14 tahun) KPT: 880121-23-5016, dengan itu telah melakukan kesalahan dibawah seksyen 354 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pertuduhan 2

Bahawa kamu pada tarikh antara tahun 2002 hingga Januari 2003, masa tengah malam, di rumah No. 205, Jalan Sri Treh, Taman Sri Treh, di Daerah Muar, Negeri Johor, telah merogol Low Siew Choong (umur 15 tahun) KPT: 880121-23-5016, dengan itu telah melakukan kesalahan dibawah seksyen 376B Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pertuduhan alternatif

Bahawa kamu pada tarikh antara tahun 2002 hingga Januari 2003, masa tengah malam, di rumah No. 205, Jalan Sri Treh, Taman Sri Treh, di Daerah Muar, Negeri Johor dengan niat untuk mencabul kehormatan iaitu meraba kemaluan Low Siew Choong (umur 14 tahun) KPT: 880121-23-5016, dengan itu telah melakukan kesalahan dibawah seksyen 354 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

[2] Pertuduhan-pertuduhan tersebut telah dibicarakan di hadapan Hakim Seksyen berkenaan, dan pada akhir perbicaraan OKT telah disabitkan dengan pertuduhan 1 dan 2, dan dikenakan hukuman penjara selama 18 tahun dan 10 sebatan bagi setiap kesalahan, dan hukuman tersebut hendaklah dijalankan secara berturutan. Perayu (OKT) telah tidak berpuashati dengan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh Hakim Seksyen berkenaan dan telah merayu ke mahkamah ini. Setelah meneliti nota keterangan, alasan penghakiman dan mendengar penghujahan kedua-dua pihak OKT dan pendakwaan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan OKT terhadap pertuduhan yang pertama, dan mengarahkan supaya pertuduhan kedua dibicarakan semula di hadapan Hakim Seksyen yang lain. OKT telah tidak berpuashati dengan perintah untuk perbicaraan semula tersebut, dan telah memfailkan rayuannya terhadap keputusan yang diberikan oleh mahkamah. Berikut adalah sebab-sebab mengapa mahkamah ini mengarahkan supaya pertuduhan kedua dibicarakan semula di hadapan Hakim Seksyen yang lain.

[3] Terdapat beberapa isu yang ditimbul berkaitan dengan pertuduhan kedua di hadapan mahkamah ini. Pertamanya, mengenai bentuk pertuduhan yang dikenakan kepada OKT, di mana di dalam pertuduhan kedua tersebut dinyatakan bahawa pada tarikh antara tahun 2002 hingga Januari 2003 OKT telah melakukan kesalahan inses di bawah s. 376B Kanun Keseksaan. Persoalan mengenai isu pertuduhan sebegini telah pun diterangkan oleh Abdul Hamid Mohamad FCJ di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737, di mana setelah merujuk kepada kes *Law Kiat Lang v. Public Prosecutor* [1965] 1 LNS 81 dan *Ho Ming Siang v. PP* [1966] 1 LNS 68 beliau telah menyatakan:

> It is simply a question whether the alleged offences have to be proved to have been committed as per charge, including the date. As has been pointed out, the Federal Court in the two cases referred to earlier did not address its mind to the provision of s. 153(1) of the Criminal Procedure Code. Perhaps that was because it was only dealing with the question whether the charges should have been amended. In the instant appeals we are dealing with the question whether, the offences not having been proved to have been committed on another date, it must be proved to have been committed on the date stated in the charges. Section 153(1) of the Criminal Procedure Code clearly states that "The charge shall contain such particulars as to the time ..." Since it is mandatory to state the "time" (ie, date or period) when an offence is alleged to have been committed, clearly it is a "material matter" and an "essential part of the alleged offence", to use the words of Atkin J in the exception stated by him, even if that case is applied. If the law clearly provides that the charge shall contain particulars as to "time", it follows that such particulars must be proved.

[4] Jika diperhatikan, pertuduhan di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim* telah dirangka dengan begitu cermat sekali seperti berikut, "Bahawa kamu, pada satu malam di antara bulan Januari hingga Mac 1993 ...", yang menunjukkan bahawa kesalahan itu telah dilakukan pada satu malam di dalam tempoh masa yang dinyatakan di dalam pertuduhan, dan bukannya menggambarkan satu kesalahan yang berterusan. Ini telah dijelaskan dengan lebih lanjut oleh hakim berkenaan yang menyatakan:

> It must be borne in mind that the duty on the part of the prosecution at the close of the case for the prosecution is to prove beyond reasonable doubt, not only, that the offence was committed one night at Tivoli Villa, but also that that "one night" was in the month of January until and including the month of

March 1993. Even if it is proved that the incident did happen but if it is not proved "when", in law, that is not sufficient. This is because the period during which the offence is alleged to have been committed is an essential part of the charge. It becomes even more important when the defence, as in this case, is that of alibi. The appellants must know when (usually it means the day or date, but in this case the period from and including the month of January until and including the month of March 1993) they are alleged to have committed the offence to enable them to put up the defence of alibi.

[5] Seperti yang diterangkan, walaupun kejadian tersebut sememangnya telah terjadi, tetapi 'bilakah' ianya terjadi mestilah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Berdasarkan keterangan SP2 (mangsa) di dalam kes, kejadian rogol/inses berlangsung sejak dari 1997 hingga 2003, tetapi bilakah ianya berlaku di dalam tempoh tersebut tidak diterangkan secara jelas oleh SP2. Keterangan SP2 serta pertuduhan yang ada memberikan gambaran bahawa kesalahan tersebut telah dilakukan secara berterusan, dan bukannya berlaku pada satu masa tertentu di dalam tempoh yang ditetapkan, sedangkan kesalahan rogol atau pun inses adalah merupakan one single act of unlawful sexual intercourse, seperti yang dinyatakan oleh KC Vohrah J di dalam kes *Mahendran Manikam v. Public Prosecutor* [1997] 1 CLJ Supp 473, 476:

To be noted is that in her grounds of decision, the Judge, in amending the charge at the close of the case for the prosecution, mentioned that the accused had raped the girl twice during the period 15 November 1993 to 21 January 1994.

But the charge upon which he was called to make his defence and upon which he was convicted was one single charge of rape. A pertinent question that arises is, upon which particular offence, which particular act of rape, was the accused convicted and sentenced? The offence of rape in law is one single act of unlawful sexual intercourse.

It is not a continuing offence (see *Ali Hyder v. Emperor* [1939] 40 CR LJ 280). The charge should have been split by way of amendment for each offence or the prosecution should have been directed to elect upon which offence the trial should have proceeded (see *R v. Jones* 59 Cr App R 120 and see ss. 158, 173(h) and 376 of the Criminal Procedure Code).

[6] Persoalan mengenai masa kejadian rogol/inses yang membawa kepada sabitan terhadap OKT telah tidak dijelaskan oleh hakim yang mengendalikan perbicaraan tersebut. Tiada penemuan spesifik

di dalam alasan penghakimannya yang menunjukkan beliau telah secara kritikal telah menganalisa semua keterangan yang ada di hadapannya. Beliau telah mengambil kesimpulan berdasarkan keterangan-keterangan yang ada di hadapannya, dan menyatakan secara umum tanpa sebarang penjelasan lanjut kenapa beliau berpendapat sedemikian. Apa yang dinyatakan oleh beliau hanyalah seperti berikut:

> Di samping itu juga simangsa (saksi SP2) di dalam kes ini mengatakan bahawa apabila keluarga bapa saudara beliau atau pun keluarga Orang Kena Tuduh (OKT) berpindah rumah dari Jalan Sakeh, Muar ke rumah yang beralamat di Taman Sri Treh Muar pada 2002 simangsa (saksi SP2) juga ada ikut bersama-sama mereka pindah ke rumah di alamat yang baru tersebut dan juga simangsa (saksi SP2) mengatakan bahawa kejadian rogol yang sama sepertimana yang terjadi di rumah yang beralamat di Jalan Sakeh Muar tersebut tetap terus dilakukan dan juga diulangi oleh bapa saudara beliau atau pun oleh Orang Kena Tuduh (OKT) di dalam kes ini terhadap diri simangsa (saksi SP2) iaitu daripada tahun 2002 sehinggalah ke tahun 2003. Simangsa (saksi SP2) juga mengatakan oleh kerana beliau sudah tidak tahan lagi bersabar untuk menerima dan juga untuk bertoleransi serta untuk bertolak ansur dengan perbuatan dan juga sikap serta perangai dan tingkah laku bapa saudara beliau iaitu Orang Kena Tuduh (OKT) di dalam kes ini yang telah mengambil kesempatan ke atas diri beliau selama ini di mana hampir lebih kurang lima (5) tahun lamanya iaitu dari tahun 1998 sehingga ke tahun 2003 ...

[7] Jika dilihat keseluruhan keterangan yang diberikan oleh SP2, kejadian inses itu telah berlaku secara berulang, dan sepatutnya hakim berkenaan hendaklah menentukan secara spesifik kejadian yang manakah yang membawanya kepada kesimpulan bahawa OKT telah melakukan kesalahan inses pada satu malam di antara tahun 2002 hingga Januari 2003, dan boleh disabitkan dengan kesalahan sebagaimana dalam pertuduhan.

[8] Selain dari itu, Hakim Seksyen berkenaan juga telah gagal memberikan pendapatnya berkenaan dengan kenyataan di dalam Laporan Polis (eks. P91) yang dibuat oleh SP2 pada tahun 2003 yang menyatakan bahawa beliau telah diraba, serta mengenai isu kelewatan laporan tersebut dibuat oleh SP2. Mengenai isu diraba, dan bukannnya dirogol yang dilaporkan oleh SP2 kepada pihak polis hendaklah ditangani oleh Hakim Seksyen berkenaan berdasarkan kepada sudut undang-undang. Kesan kelewatan dan kebolehterimaan laporan sedemikian perlu diperjelaskan oleh beliau.

Di dalam laporan SP2, perkataan rogol atau pun inses tidak ada dinyatakan sama sekali. Oleh itu apabila OKT dituduh dengan pertuduhan di bawah s. 376B Kanun Keseksaan, ianya membawa gambaran bahawa kesalahan yang diadukan dan pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT adalah tidak selaras dengan pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, dan isu ini patut diterangkan oleh Hakim Seksyen di dalam penghakimannya. Di dalam hal demikian, mahkamah hendaklah memahami apakah fungsi yang dimainkan oleh sesuatu laporan polis. Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52, [1969] 2 MLJ 209, 211, Ong Hock Thye CJ telah menyatakan:

> As regards omissions in the first information report, we would endorse Sohoni's commentary on section 154 of the *Indian Criminal Procedure Code* (16th Edition, Vol 1, page 750), which is similar to section 107 of our Criminal Procedure Code, as follows:
>
> It is a mistake to believe that a person cannot be the accused unless his name appears in the first information report. The provisions of the Code lay down no such stipulation. All that is required for purpose of this section is that there should be clear, definite information about the commission of a cognizable offence to set the investigation machinery in motion. Further, the information required need not contain the circumstances of the commission of the offence, nor the names of the offenders or the witnesses, for the main purpose of investigation is to ascertain these matters. ... The first information report is not an Encyclopaedia. It is not the beginning and ending of every case. It is only a complaint to set the affairs of law and order in motion. It is only at the investigation stage that all the details can be gathered and filled up. But it cannot be said that omissions in the first information report would always be of no significance. The report is not substantive evidence and omissions in it will not *ipso facto* lead to the case being thrown out. But it is a piece of corroborative evidence; omissions in it will, other things being the same, deprive the prosecution of the most valuable corroboration and thereby make the story suspicious.
>
> When a first information report contains an omission as to an important fact relied upon by the prosecution, the omission is important and in the absence of any other evidence, the court may in a given case refuse to consider the evidence of the informant on that fact because of such omission. For a correct appraisal of the effect of omission as contradicting the informant it is essential to keep in view the circumstances in which the report was lodged.

A For instance, an omission in a report hurriedly lodged under the press of events should not have the same significance as one in a report lodged after cool calculation.

In short, it is wrong to hold up the first information report as a sure touchstone by which the complainant's credit may invariably B be impeached. It can only be used for that purpose with discrimination, in much the same way as previous statements by the witness are used, so that irrelevant errors in detail are not given exaggerated importance, nor omissions, objectively considered in the light of surrounding circumstances.

C

[9] Adalah jelas bahawa ketinggalan yang terdapat di dalam laporan polis yang merupakan laporan maklumat pertama bagi membolehkan pihak polis untuk memulakan sesuatu siasatan bukanlah merupakan faktor yang akan menyebabkan sesuatu kes itu dibuang, kerana ianya bukanlah substantive evidence of its D contents. Sebaliknya ianya adalah merupakan keterangan yang bernilai untuk menentang atau menyokong sesuatu testimoni yang diberikan oleh saksi. Ini telah dijelaskan oleh Augustine Paul JCA di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, 94, iaitu:

E The passage just referred to makes it patent that the evidentiary value of a first information report is only to contradict the testimony of a witness under s. 145 of the Evidence Act 1950 or to corroborate his testimony under s. 157 of the said Act the operation of which is as explained in *Lim Guan Eng v. PP* [2000] F 2 CLJ 541. It is not substantive evidence of its contents. The question that arises for determination, in the circumstances, is whether the failure to adduce in evidence the first information report is capable of an adverse inference being drawn against the prosecution under s. 114(g) of the Evidence Act 1950. Where the evidence of a witness does not require to be corroborated in law G there is no obligation to tender corroborative evidence to support his testimony. Thus if the case for the prosecution rests solely on the evidence of one witness in such a category there is no requirement in law for his evidence to be corroborated. Any such requirement will conflict with s. 134 of the Evidence Act 1950 which provides that no particular number of witnesses shall in any H case be required for the proof of any fact. This means that the testimony of a single witness, if believed, is sufficient to establish any fact (see *Khaw Cheng Bok & Ors v. Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 1 LNS 340; [1998] 3 MLJ 457).

I

[10] Berdasarkan prinsip undang-undang yang dinyatakan di dalam kes di atas, pada pendapat mahkamah walaupun laporan polis itu tidak menyatakan bahawa SP2 telah dirogol oleh OKT, ianya tidak akan menjejaskan kes pendakwaan kerana ianya hanyalah permulaan bagi siasatan yang dilakukan oleh pihak polis sehingga membawa kepada pertuduhan yang dikenakan kepada OKT. Harus diingat bahawa laporan polis yang dibuat oleh mangsa sesuatu kes jenayah akan mempunyai nilai sebagai keterangan yang menyokong testimoni yang dibuat oleh mangsa. Apatah lagi, jika kes tersebut adalah melibatkan jenayah seksual, di mana undang-undang telah menetapkan bahawa keterangan yang diberikan oleh pengadu di dalam kes sedemikian hendaklah disokong oleh keterangan yang lain, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Spenser-Wilkinson J di dalam kes *Public Prosecutor v. Mardai* [1949] 1 LNS 65:

> Whilst there is no rule of law in this country that in sexual offences the evidence of the complainant must be corroborated, nevertheless it appears to me, as a matter of common sense, to be unsafe to convict in cases of this kind unless either the evidence of the complainant is unusually, convincing or there is some corroboration of the complainant's story. It would be sufficient, in my view, if that corroboration consisted only of a subsequent complaint by the complainant herself provided that the statement implicated the accused and was made at the first reasonable opportunity after the commission of the offence.

[11] Prinsip undang-undang juga telah mantap bahawa seseorang itu tidak boleh menyokong keterangannya sendiri, dan oleh itu keterangan yang bebas adalah diperlukan (Rigby J di dalam kes *Balwant Singh v. Public Prosecutor* [1960] 1 LNS 10), yang berkaitan dengan sesuatu fakta material which implicates the accused person and tends to confirm that he is guilty of the offence (*Ah Mee v. PP* [1967] 1 LNS 3). Di dalam kes *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658, 667, Lord Reading CJ telah menyatakan:

> We hold that evidence in corroboration must be independent testimony which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime.
>
> In other words, it must be evidence which implicates him, that is, which confirms in some material particular not only the evidence that the crime has been committed, but also that the prisoner committed it.

[12] Di dalam kes yang dirayu ini, keadaan jelas menunjukkan bahawa Hakim Seksyen yang membicarakan kes tersebut telah tidak menyentuh mengenai isu percanggahan yang terdapat di dalam laporan polis yang dibuat oleh mangsa dan pertuduhan yang dikenakan terhadap mangsa. Percanggahan tersebut perlu diperjelaskan oleh beliau dan hendaklah diterangkan di dalam alasan penghakimannya. Bagaimanapun, dari alasan penghakiman yang ada, jelas menampakkan bahawa beliau tidak memutuskan langsung persoalan yang begitu material ini. Pada pendapat mahkamah, persoalan ini perlu diputuskan oleh beliau kerana laporan polis adalah merupakan satu laporan maklumat pertama yang membawa kepada tindakan oleh pihak polis. Di dalam kes *Khwaja Nazir Ahmad, Emperor v. AIR* [1945] PC 18, Privy Council telah menyatakan laporan maklumat pertama bukanlah merupakan prasyarat bagi pihak polis untuk memulakan siasatan jenayah, tetapi ianya membolehkan pihak polis mendapatkan maklumat awal mengenai kegiatan jenayah, dan merekodkan keadaan kes itu sebelum ianya terlupa. Oleh yang demikian, pada pendapat mahkamah ini, Hakim Seksyen tersebut mempunyai tanggungjawab untuk menerangkan perselisihan yang terdapat di dalam laporan polis dan hasil siasatan yang didapati oleh pihak polis setelah siasatan dilakukan.

[13] Kenyataan pengadu (SP2) kepada pihak polis, khususnya saksi SP8 menjurus kepada perlakuan rogol/inses oleh OKT, dan bukan sebagaimana yang terdapat di dalam laporan polis beliau. Bagaimana sesuatu keterangan tersebut akan menyokong testimoni pengadu adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes itu sendiri. Misalannya di dalam kes *Public Prosecutor v. Teo Eng Chan & Ors* [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 yang melibatkan kesalahan rogol di bawah s. 376 Kanun Keseksaan, Coomaraswamy J telah berpendapat bahawa pernyataan pengadu yang dibuat kepada doktor yang memeriksanya adalah merupakan keterangan sokongan:

> ... her statement to Dr Chua and her use of the Mandarin equivalent of the words "gang rape" in that statement within 14 hours after the events are to my mind adequate corroboration. The number of hours is not by itself important. Kay's complaint was made as speedily as could reasonably in the circumstances be expected of her.

[14] Selain dari itu, fakta yang didapati hasil dari pemeriksaan pegawai perubatan yang memeriksa mangsa di dalam sesuatu kejadian rogol, adalah relevan untuk membuktikan bahawa suatu kemasukan (penetration) telah berlaku terhadap kemaluan mangsa, dan berkecenderungan untuk mengaitkan tertuduh dengan dakwaan yang dibuat oleh mangsa. Di dalam kes ini, keterangan dari pegawai perubatan yang memeriksa SP2 dengan jelasnya menyatakan bahawa terdapat koyakan kepada selaput dara OKT, tetapi usia koyakan itu tidak dipastikan oleh doktor yang memeriksa SP2 iaitu SP9 dan SP10. Peguambela telah mempersoalkan mengenai usia sebenar koyakan kerana SP2 menyatakan kejadian rogol tersebut telah berlaku banyak kali di dalam tempoh lima tahun semenjak dari tahun 1997 lagi. Persoalan mengenai usia koyakan dan kepentingannya telah pun dijelaskan oleh mahkamah di dalam kes *Aziz Muhamad Din v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 523 di mana mahkamah telah menyatakan:

> However, on a charge of rape where consent is irrelevant, medical evidence showing any fresh tear in the hymen is sufficient to corroborate the evidence of the victim on the factum of rape (see *Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v. PP* [1988] 1 LNS 126). With regard to an old rupture of the hymen, Thomson LP said in *Din v. PP* [1964] MLJ 300 at p 301,
>
> ... The hymen was ruptured but this was not recent. In short this evidence did not support in any way that the woman had had sexual intercourse within the previous twelve hours but on the other hand it did not negative such a possibility.
>
> *R v. Kerim* [1988] 1 Qd R 426 is a case where the accused was charged with indecent dealing with and rape of his 12-year old step-daughter. The evidence of the complainant was said to have been corroborated by medical evidence that her hymen was not intact. This evidence was consistent with her account that the accused had raped her, but since the rupture was not established to have occurred at a time or place which involved the accused, this evidence was held to be incapable of affording corroboration.

[15] Berdasarkan kes-kes yang dinyatakan di atas, pada pendapat mahkamah koyakan yang lama, atau pun selaput dara yang tidak intact menunjukkan bahawa ada kemungkinan pengaduan yang dibuat oleh pengadu adalah benar, dan memerlukan analisa lanjut oleh Hakim Seksyen yang mendengar kes tersebut. Beliau hendaklah membuat dapatannya berkenaan dengan perkara tersebut. Di dalam kes *Abdul Rahman bin Ibrahim v. Pendakwa Raya* [2002] 1 LNS 73, Augustine Paul J telah menyatakan:

A Memandangkan koyakan pada selaput dara SP4 merupakan koyakan lama, ianya tidak menunjukkan koyakan tersebut berlaku pada masa kejadian yang melibatkan Tertuduh. Ini dirumitkan lagi oleh fakta bahawa pada atau lebih kurang masa yang material, SP4 juga telah dirogol oleh beberapa orang lelaki lain. Jadi keterangan
B SP1 adalah negatif dan tidak mampu menjadi qarinah bagi menyokong keterangan SP4. Jelaslah Hakim Mahkamah Seksyen yang bijaksana telah tersilap dalam membuat dapatan fakta dengan memutuskan terdapat qarinah berkaitan fakta rogol melalui keterangan SP1. Walau apa pun, persoalan perlunya qarinah hanya wujud jika keterangan yang berkehendakkan qarinah itu sendiri
C adalah kukuh. Jika ianya tidak sedemikian, keterangan tersebut mestilah ditolak.

[16] Oleh itu, isu koyakan dan usia koyakan adalah penting di dalam sesuatu kes rogol, dan hakim yang mengendalikan
D perbicaraan di hadapannya hendaklah jelas mengenai isu tersebut, dan perlu memutuskan sama ada koyakan tersebut dapat menyokong dakwaan yang dibuat oleh seseorang mangsa, dan berkecenderungan untuk menunjukkan bahawa OKT adalah pelaku atau penyebab kepada koyakan tersebut. Apakah dia yang
E dimaksudkan sebagai koyakan boleh dilihat di dalam kes *Roshaizad bin Wan Long v. Pendakwa Raya* [2001] 1 LNS 105, di mana mahkamah telah menyatakan:

Koyakan yang dinyatakan dalam keterangan SP1 ialah koyakan kepada selaput dara atau "hymen". Perkataan "hymen" menurut
F *The Concise Oxford Dictionary* bermaksud "a membrane which partially closes the opening of the vagina and is usually broken at the first occurrence of sexual intercourse.

Oleh yang demikian koyakan yang dimaksudkan oleh SP1 adalah koyakan pada selaput dara yang disebabkan oleh perhubungan seks
G kali pertama. Sebab itulah dalam keterangannya dia mengatakan bahawa daripada koyakan hyemen dia tidak dapat memastikan berapa kali seseorang itu telah melakukan perhubungan seks. Dengan yang demikian saya bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa analogi yang dibuat oleh peguambela
H Perayu bahawa kejadian kedua tidak berlaku kerana tiada koyakan baru adalah tidak berasas. Keterangan SP3 adalah jelas bahawa kejadian pada 10hb Mei 1996 bukanlah kali pertama dia mengadakan perhubungan seks. Oleh itu isu berkaitan dengan koyakan baru kepada selaput dara pada kejadian kedua itu tidak timbul.

I

[17] Sememangnya di dalam kes ini, terdapat koyakan pada hymen SP2 sepertimana yang telah dijelaskan oleh SP9 dan 10, dan ianya membawa kemungkinan bahawa dakwaan-dakwaan SP2 adalah benar, dan sepatutnya dianalisa secara kritikal oleh hakim tersebut. Selain dari persoalan tersebut, isu yang turut berbangkit di dalam kes ini, adalah berkenaan dengan ketiadaan keterangan pakar kerana salah seorang doktor pakar yang telah memeriksa SP2, iaitu doktor P. Kannappan telah tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk memberikan keterangan di mahkamah. Pada pendapat mahkamah di dalam kes sebegini tiada keperluan untuk berbuat demikian, dan hanya akan meletakkan beban yang tidak berpatutan kepada pihak pendakwaan. Adalah memadai bagi pihak pendakwaan untuk membawa keterangan seorang pegawai perubatan yang telah memeriksa mangsa di dalam kes ini. Di dalam kes *Mohamad Terang bin Amit v. Public Prosecutor* [1999] 1 LNS 19, Ian HC Chin J telah menyatakan:

> A point was taken by Mr. Shek that both Dr Shamsir and Dr Pui are not expert witnesses within the meaning of s. 45 of the Evidence Act, 1950. Dr. Shamsir was giving direct evidence of an examination he had carried out and not an opinion. Therefore, the question of expert opinion does not arise in his case.

[18] Di dalam kes ini, SP2 telah diperiksa oleh dua orang doktor, iaitu SP9 dan SP10 yang merupakan pegawai-pegawai perubatan yang berkhidmat di hospital kerajaan. Keterangan kedua-dua mereka adalah lebih dari mencukupi untuk membuktikan fakta bahawa terdapat koyakan terhadap hymen mangsa. Keterangan tersebut adalah berdasarkan fakta yang didapati hasil dari pemeriksaan mereka, dan bukannya didapati secara second hand. Tiada sebab-sebab kenapa kehadiran doktor P. Kannappan diperlukan oleh pihak pembelaan, kerana menurut Abdul Hamid Omar LP di dalam kes *Khoo Hi Chiang v. PP And Another Case* [1994] 2 CLJ 151 kelayakan saksi itu dari segi akademiknya adalah memadai untuk membolehkan keterangan saksi tersebut diterima oleh mahkamah:

> On the question of the acceptance of the chemist's evidence on its face value, we see no reason to depart from the decision in *Munusamy v. PP* where it was stated that a chemist in drug cases merely reports the result of the chemical examination of the substance. We would however qualify that by saying that although in that case the chemist who gave evidence had been in the chemistry department for 12 years and possessed a BSc degree in chemistry and biology and had given expert evidence in Court,

A and such evidence had been accepted in the High Court in drug cases, it is our view that there was no necessity to show that he had given evidence in Court and that such evidence had been accepted in the High Court in drug cases since the acceptance of his evidence was done on the basis that such evidence was factual. What was really required for the prosecution to show for the admission of the chemist's evidence on the identity of the drug was merely to adduce evidence as to his qualification in the field of chemistry and that he was a chemist in the employment of any Government in the Federation and had examined or analysed the drugs. His evidence may then be given orally or be set out in a report made by him to be admitted under s. 399 of the Code.

[19] Keterangan saksi-saksi seperti SP9 dan SP10 boleh diterima masuk oleh mahkamah. Cuma persoalan berapakah weight yang patut diberikan oleh mahkamah terhadap keterangan saksi tersebut hendaklah diputuskan oleh hakim yang mendengar kes tersebut. Jika timbul isu yang kritikal sebegini, hakim yang mendengar kes tersebut hendaklah memusatkan perhatiannya kepada isu tersebut (per Gopal Sri Ram JCA di dalam kes *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389, 396), dan mencapai kesimpulannya sendiri berdasarkan keterangan yang ada. Apa yang beliau perlu lakukan adalah untuk menyatakan secara ringkas fakta dan undang-undang yang telah dipertimbangkan olehnya dan langkah-langkah yang diambil olehnya di dalam menilai perkara tersebut. Untuk memahami secara jelas mengenai apa yang perlu dilakukan oleh seseorang hakim atau majistret di dalam menulis alasan penghakimannya, maka penghakiman Sharma J *Chua Beow Huat v. PP* [1968] 1 LNS 24, Sharma J adalah wajar diberikan perhatian, iaitu:

> In giving his grounds of judgment the learned magistrate (or the learned president) should briefly state the matters both of fact and law which he considered, the care which he exercised in considering those matters, and the extent and nature of doubt, if any, created in his mind. He should discuss the evidence and the probabilities arising from the circumstances of the case. The reasons for his finding should be stated. The grounds should indicate that he had in fact applied his mind to the evidence produced in the case. (See *Balasingham v. Public Prosecutor* [1959] 1 LNS 8).

[20] Seseorang hakim atau majistret yang gagal untuk memberikan alasan kenapa beliau mempercayai atau tidak mempercayai sesuatu keterangan adalah melanggar peruntukan s. 307 Criminal Procedure Code yang mengkehendaki seseorang hakim atau majistret untuk berbuat demikian. Di dalam kes *Murugiah v. PP* [1940] 1 LNS 59, mahkamah telah menyatakan:

> It does not appear to me that a Magistrate complies with section 307(iii) of the Criminal Procedure Code which requires him to give the "Grounds of Decision" by stating "I believe the evidence of the prosecution. "... I disbelieve the evidence of the accused." I think the Magistrate should state, except in the simplest of cases and they usually are not the subject of appeal, the reasons why he believed or disbelieved the evidence in question.

[21] Mereka dikenakan tanggungjawab di bawah statut untuk memberikan alasan penghakiman yang menyatakan alasan-alasan mereka berdasarkan fakta dan undang-undang. Di dalam kes *Balasingham v. PP* [1959] 1 LNS 8 mahkamah telah menyatakan:

> The trial court is under a statutory obligation under section 308 of the Criminal Procedure Code to transmit to the appellate court the grounds of decision which convey to my mind a reasoned judgment on the facts and the law, not merely the conclusion arrived. The advantage of a 'speaking' judgment needs no emphasis.

[22] Di dalam kes *Nasrul Annuar Abd Samad v. PP* [2005] 1 CLJ 193, Augustine Paul J menyatakan ianya hendaklah berdasarkan fakta yang telah dibuktikan:

> A finding must be based on proved facts or inferences drawn from proved facts. As Kitto J said in *Jones v. Dunkel* [1958-1959] IoI CLR 298 at p 305:
>
> one does not pass from the realm of conjecture into the realm of inference until some fact is found which positively suggests, that is to say provides a reason, special to the particular case under consideration, for thinking it likely that in that case a specific event happened or a specific state of affairs existed.

[23] Selain dari isu-isu tersebut, persoalan juga ditimbulkan oleh pihak pembelaan mengenai kegagalan mangsa (SP2) untuk membuat laporan dengan segera mengenai kejadian rogol tersebut. Pada pendapat mahkamah, persoalan kelewatan tidak berbangkit di dalam kes ini, kerana mangsa dengan seberapa segera telah membuat laporan polis pada kejadian akhir, dan setelah mendapat

pandangan dan nasihat dari orang-orang yang dipercayainya. Di dalam kes *Hairani Sulong v. Public Prosecutor* [1993] 2 CLJ 79, mahkamah telah menyatakan:

> The delay in reporting the commission of the offence by the complainant was stressed by learned Counsel for the appellant. But in my view delay in reporting an offence such as rape should not be taken as evidence of concoction without more. The reason for the delay should be considered in the light of the other relevant and admissible evidence available before coming to any conclusion. In the present case the complainant explained the delay in reporting was due to the threat of harm on her by the appellant. The complainant testified that later on the appellant did strangle and push her down after she threatened to inform her parents of the commission of the offence. She found no help from the father on the subsequent incident even though she reported it to him. The other reasons given by the complainant were that her parents were always quarrelling and that her father always sided the appellant and that she was also still immature at that time and had no experience on such matters. In my view her explanation was reasonable.

[24] Seperti yang dinyatakan di dalam kes di atas, alasan kenapa berlakunya kelewatan di dalam membuat laporan polis hendaklah dipertimbangkan oleh mahkamah. Di dalam kes ini, fakta menunjukkan bahawa kejadian telah berlaku semenjak mangsa (SP2) berumur 11 tahun lagi, dan merupakan kanak-kanak yang sedang belajar di dalam Darjah 5, dan berlanjutan sehingga tahun 2003. Fakta juga tidak dipertikaikan bahawa SP2 menumpang di rumah OKT yang merupakan bapa saudaranya setelah ibu dan bapanya bercerai, dan bergantung hidup kepada OKT. Oleh yang demikian sebab-sebab kenapa beliau lambat membuat laporan polis, serta keterangan-keterangan dari saksi-saksi yang ada hendaklah dipertimbangkan secara menyeluruh oleh mahkamah.

[25] Setelah meneliti alasan penghakiman, nota keterangan dan mendengar penghujahan dari kedua-dua pihak, mahkamah berpendapat Hakim Seksyen yang mengendalikan kes tersebut telah gagal membuat dapatannya atas beberapa isu yang dibangkitkan, walaupun keterangan yang ada berkecenderungan menunjukkan OKT telah melakukan kesalahan tersebut. Oleh yang demikian, menurut s. 316 Criminal Procedure Code, semasa mendengar sesuatu kes yang dirayu di hadapannya, mahkamah ini mempunyai kuasa budibicara untuk mengeluarkan apa-apa perintah termasuklah perintah untuk mengadakan perbicaraan semula, jika ianya adalah

bersesuaian untuk dilakukan. Di dalam kes *Tan Boon Hock v. PP* [1978] 1 LNS 194, mahkamah telah mengarahkan perbicaraan semula apabila mahkamah berpendapat OKT telah disabitkan di atas pertuduhan yang salah. Sementara itu di dalam kes *Ooi Lean Chai v. Public Prosecutor* [1991] 2 CLJ 1304; [1991] 1 CLJ (Rep) 337, Mahkamah Agong telah menyatakan bahawa perbicaraan semula adalah bermaksud perbicaraan yang baru, dan bukannya kesinambungan dari perbicaraan yang terdahulu.

[26] Di dalam kes *Shawal Hj Mohd Yassin v. PP* [2006] 6 CLJ 392, Azahar Mohamed JC telah merujuk kepada *Mallal's Criminal Procedure* di dalam mempertimbangkan sama ada sesuatu kes patut dibicarakan semula (retrial). Menurut beliau:

> With that I return to the present case and there is one matter of importance that I must touch upon. I have to consider whether a retrial should be ordered. In this regard, *Mallal's Criminal Procedure* (5th edn) at para. 10476 commented:
>
> A new trial would mean the case is reopened and the accused is retried on all the charges originally framed. A retrial would probably be ordered in cases where it is in the interests of justice to order one. The appellate court has a wide discretion. Generally a new trial will be ordered where although there was actually a case to answer, the case was rejected. A retrial may also be ordered when there is misdirection as to the onus of proof, or when the trial judge has prevented the prosecution from adducing all the evidence it has desired to. Sometimes even though there is a fault in the decision of the lower court the appellate court may be able to do justice without ordering a new trial.

[27] Di dalam kes ini, keterangan yang diberikan oleh pengadu serta saksi-saksi pendakwaan, dan bukti-bukti yang menyokong keterangan pengadu, menunjukkan bahawa terdapatnya perlakuan inses yang dilakukan oleh OKT terhadap SP2, dan terjumlah kepada kesalahan di bawah s. 376B Kanun Keseksaan. Bagaimanapun atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, maka pada pendapat mahkamah, demi kepentingan keadilan, adalah wajar supaya kes ini dibicarakan semula di hadapan Hakim Seksyen yang lain supaya keadilan dapat ditegakkan.